

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN DASAR PERMUZIUMAN NEGARA DAN**  
**KEMPEN KEMBALI KE MUZIUM**  
**PADA 6 APRIL 2021**  
**DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

---

**\*\*[senarai salutasi akan disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) JMM]**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya, dapat kita hadir dan berhimpun semula bersama-sama pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran Dasar Permuziuman Negara dan Kempen Kembali Ke Muzium.**

1) Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran semua, termasuk yang menonton siaran program ini secara maya, khususnya penggiat industri pelancongan dan kebudayaan serta wakil-wakil media elektronik, media cetak mahupun media sosial yang sentiasa memberikan sokongan jitu terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti anjuran MOTAC serta jabatan dan agensi di bawahnya.

Puan-puan dan Tuan-Tuan yang saya hormati sekalian,

2) Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang sangat besar kepada negara, bahkan dunia. Hakikatnya, ia bukan sahaja telah merencatkan ekonomi negara, malah rakyat juga dididik untuk hidup dalam norma yang baharu. Namun begitu, kekangan yang pelbagai dari segenap sudut ini telah mengajar kita untuk bangkit menghargai apa jua yang kita miliki dan yang dimiliki itu perlu terus diperkasakan, khususnya kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

3) Sebagai Kerajaan Prihatin Rakyat, cabaran utama dalam mengurus krisis global ini ialah dengan mengimbangi, keutamaan melindungi nyawa rakyat dan keperluan menjamin kelangsungan hidup, dua kata kunci utama yang menjadi fokus Kerajaan sejak setahun yang lalu.

4) Syukur Alhamdulillah, langkah-langkah yang telah diambil membuahkan hasil yang positif dengan sokongan dan semangat juang semua pihak.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan,

5) Genap setahun Negara kita melaksanakan pelbagai bentuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menangani wabak COVID-19. Kerajaan terus mempergiatkan usaha dan melaksanakan apa sahaja yang diperlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan menyokong pemulihan ekonomi. Pada ketika ini, negara kita sedang berada di tahap kelima Strategi 6R Pelan Komprehensif Pemulihan Ekonomi, iaitu '*Revitalize*' atau Memperkasa Ekonomi dan strategi pemulihan ekonomi ini ditumpukan kepada usaha untuk merancang serta melonjakkan semula aktiviti ekonomi atau *jump-start the economy*.

6) Alhamdulillah, keputusan Kerajaan untuk membenarkan pengoperasian semula sektor pelancongan dan kebudayaan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada Februari lalu memberi sinar baharu kepada penggiat industri pelancongan dan kebudayaan termasuk institusi permuziuman, untuk bangkit semula, mengharungi situasi global yang mencabar ketika ini.

7) Premis yang berkaitan dengan budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat budaya atau kampung seni warisan budaya, pentas persembahan dan taman tema serta pusat hiburan keluarga juga, telah dibuka semula kepada orang ramai dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. Bagi kawasan PKPP pula, semua aktiviti pelancongan dan kebudayaan dibenarkan beroperasi dengan mematuhi penjarakan fizikal.

8) Oleh itu, saya menyeru kepada orang ramai yang akan memulakan aktiviti pelancongan di lokaliti masing-masing untuk terus memberi sokongan kepada sektor pelancongan Negara dan melanconglah dengan selamat. Jadilah pelancong yang bertanggungjawab dengan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang dihormati sekalian,

9. Hampir setiap negara di seluruh dunia mempunyai muzium dan objektif penubuhannya yang tersendiri serta dibina berpaksikan kekuatan koleksi yang amat tinggi nilai sejarahnya. Di kebanyakan negara-negara maju di Barat, penubuhan sesebuah muzium dilihat sama pentingnya dengan kewujudan pusat-pusat pentadbiran, keagamaan dan pendidikan. Begitu juga di Malaysia di mana institusi permuziuman kini semakin berkembang dan jumlah muzium kian bertambah.

10) Secara keseluruhannya, jumlah muzium di Malaysia kini adalah sebanyak 236 buah di mana, secara spesifiknya, 22 buah muzium adalah di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Bagaimanapun ramai yang tidak tahu bahawa TIDAK SEMUA muzium di negara ini terletak di bawah MOTAC, menerusi JMM. Hal ini perlu dijelaskan bagi mengelak kekeliruan orang awam terutamanya apabila ia melibatkan isu penyelenggaraan dan baik pulih infra.

11. Untuk pengetahuan semua (terutamanya pihak media), komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu muzium di bawah Kerajaan

Negeri adalah berterusan dan konsisten. Pada tahun lepas (2020), MOTAC telah meluluskan sebanyak RM770,660 kepada tiga buah Muzium Negeri, iaitu :-

- i. Lembaga Muzium Negeri Kedah (RM250,000.00)
- ii. Lembaga Muzium Negeri Terengganu (RM470,660) dan;
- iii. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (RM50,000.00)

di bawah Projek Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak atau Bangunan Warisan.

12. Manakala pada tahun ini, Kerajaan Persekutuan menerusi MOTAC telah menyalurkan peruntukan kepada beberapa buah Muzium Negeri di bawah peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama (RP1), RMKe-12 Tahun 2021 di bawah Butiran Penyelenggaraan Kemudahan atau Infrastruktur. Untuk Fasa 1, sebanyak RM2.37 juta telah diluluskan kepada 6 buah muzium iaitu :-

- i. Lembaga Muzium Negeri Kedah (RM250,000.00),
- ii. Perbadanan Muzium Melaka (RM500,000.00),
- iii. Lembaga Muzium Negeri Terengganu (RM470,000.00),
- iv. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (RM400,000.00)
- v. Jabatan Muzium Sabah (RM250,000.00) dan
- vi. Jabatan Muzium Sarawak (RM500,000.00).

13. Selain itu, dengan mengambilkira usaha ke arah merancakkan semula ekonomi negara menerusi pemulihan sektor pelancongan, MOTAC telah

meluluskan sebanyak RM1.83 juta kepada 3 buah muzium di bawah peruntukan Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Tahun 2021. Tiga muzium terlibat ialah :-

- i. Lembaga Muzium Negeri Kedah (RM200,000.00),
- ii. Perbadanan Muzium Melaka (RM1.21 juta) dan
- iii. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) (RM420,000).

14. Ini termasuklah kerja-kerja konservasi dan restorasi bangunan dan penyelenggaraan kemudahan pelancongan yang menjadi bukti keprihatinan pihak kerajaan dalam memastikan muzium-muzium kita sebagai penjaga khazanah ketamadunan negara, terus berada dalam keadaan yang kondusif untuk dikunjungi.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan,

15. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan 103 buah muzium yang berada di bawah kerajaan negeri dalam memperkayakan pengalaman pengunjung adalah komitmen berterusan MOTAC. Ini dapat dilihat menerusi sejumlah peruntukan di bawah Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Muzium Negeri. Sejak tahun 2014 sehingga tahun lepas (2020), sejumlah RM279,448, 869 telah disalurkan kepada Muzium-Muzium Negeri menerusi JMM. Manakala untuk tahun ini (2021), MOTAC telah meluluskan penyaluran pertama sebanyak RM20.25 juta dan In-shaa Allah penyaluran berikutnya dijangka akan dibuat selepas pertengahan tahun ini.

16. Justeru, saya berharap untuk melihat perkhidmatan atau produk yang ditawarkan muzium-muzium kepada masyarakat adalah setara dan seiring dengan ledakan teknologi maklumat.

17. Ini kerana, stigma segelintir masyarakat yang kurang peka dan melihat muzium hanya sekadar cerminan peristiwa atau bangunan lama tempat menyimpan barang-barang antik, **perlu segera diubah!** Muzium hari ini perlu menjadi agen perubahan dan pembangunan, bahkan kelangsungannya dilihat sangat penting sebagai instrumen kemajuan dalam meniti arus kemodenan serta globalisasi.

18. Ini boleh dilakukan menerusi kerjasama rapat JMM bersama-sama dengan Kerajaan Negeri serta agen-agen pelancongan dan wakil-wakil media agar apa jua aktiviti yang dirancang, lebih berstruktur dan mampan. Kesepakatan ini juga dapat menyumbang kepada percambahan idea-idea baharu yang lebih inovatif, kreatif dan berkesan dalam usaha menjadikan muzium, antara destinasi pelancongan awal, **bukannya yang terakhir untuk dikunjungi** samada pengunjung domestik mahupun dari luar negara, semasa berada di negara kita satu hari nanti. Insya Allah. Usaha ini juga, sudah tentunya, dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi Negara.

19. Dalam hal ini juga, kita berterima kasih dengan pihak media kerana penglibatan mereka sangat signifikan terutamanya bagi membantu menjentik minat generasi muda untuk datang melawat muzium secara berterusan.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan,

20. Hari ini kita bakal menyaksikan Pelancaran **Dasar Permuziuman Negara dan Kempen Kembali Ke Muzium**. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Muzium Malaysia kerana telah menunjukkan satu sinergi holistik. Ia meliputi bidang-bidang permuziuman sedia ada, konsisten dengan piawaian Majlis Muzium Antarabangsa atau *International Council of Museums* (ICOM). Saya yakin pelancaran dasar ini pastinya ditunggu-tunggu sejak sekian lama oleh segenap barisan profesional muzium di Malaysia sebagai salah satu sumber rujukan asas yang sangat penting.

21. Setelah meneliti Dasar Permuziuman Negara menerusi naskhah yang diberikan kepada saya, secara peribadinya saya mendapati naskhah ini amat penting untuk dijadikan manual dalam memahami dunia permuziuman yang lengkap. Malahan, kandungan buku ini juga digarap dengan gaya penulisan yang mudah difahami, bertujuan untuk berkongsi ilmu dan kepakaran penggiat dunia permuziuman yang berada di Jabatan Muzium Malaysia kepada umum, sekaligus berupaya membimbing mana-mana pihak yang berkepentingan, sama ada yang sedang mengoperasikan muzium ataupun yang sedang merancang untuk menubuhkan sesebuah muzium.

22. Saya berharap Dasar Permuziuman Negara ini dapat melengkap pengisian kandungan Akta Muzium yang sedang digubal pada ketika ini, agar muzium tampak lebih dinamik, berstruktur, tadbir urusnya semakin profesional dan memperlihatkan satu penjenamaan yang baharu dengan tarikan yang lebih besar pada masa akan datang.



23. Dengan adanya penerbitan yang berkualiti ini, ia bukan sekadar berguna kepada penggiat industri permuziuman, tetapi secara tidak langsung akan menyemarakkan lagi industri perbukuan tanah air yang sangat dahagakan karya-karya permuziuman sebegini. Maka, benarlah ungkapan peribahasa Melayu yang berbunyi, **"ikan biar dapat, serampang jangan pukah"**.

24. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya, agar buku ini akan sentiasa ditambahbaik kandungannya oleh Jabatan Muzium Malaysia dari semasa ke semasa bagi memastikannya mencapai mutu penerbitan ke tahap yang terbaik.

25. Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia, khususnya kepada barisan anggota jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menggembeling tenaga memastikan kelancaran majlis pada pagi ini.

26. **Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan rasa penuh kesyukuran, melancarkan Dasar Permuziuman Negara dan Kempen Kembali Ke Muzium pada tanggal 6 April 2021, bersamaan 22 Sya'aban Tahun 1442 Hijrah.**

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah.

Wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.